

PEPERIKSAAN BAHASA MALAYSIA PEMAHAMAN
OKTOBER 2018

NAMA: _____

MARKAH : _____

KELAS : 4 ()

A/B/C/D/E

TARIKH : ____ .10.2018

GURU S/S :34

Arahan am : Bagi Bahagian A, setiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A,B,C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja.

1. Peragut itu cedera. _____
ditangkap oleh polis.
A Beliau B Baginda
C Anda D Dia
2. "_____ sudah makan,
Adam?" tanya ibu.
A Kamu B Saya
C Kalian D Kita
3. "_____ duduk; nanti
saya panggilkan pengurus,"
kata pekerja itu.
A Jangan B Minta
C Jemput D Tolong
4. "_____ memotong
barisan," kata Cikgu Tan
kepada murid-muridnya di
dewan.
A Jangan B Jemput
C Tolong D Minta
5. Pak Atan sekeluarga pulang
ke desa untuk mengusahakan
_____ padi.
A menanam B penanam
C bertanam D tanaman
6. Encik Lirn sedang
_____ rawatan di
Insitut Jantung Negara.
A perjalanan B menjalani
C berjalan D jalani
7. "Usahlah kamu _____
dengan kata-katanya.
Perangainya memang begitu,"
pujuk Puan Lam kepada
anaknya.
A ambil mudah B ambil hati
C ambil kira D ambil berat
8. Cikgu Ahmad berharap agar
Ramli dapat menjaringkan gol
kerana dia merupakan
_____ bagi pasukan bola
sepak itu.

- A anak emas
- B angkat kaki
- C ayam tambatan
- D batu loncatan

Soalan 9 berdasarkan gambar di bawah.



9. Pak Ali _____ buah sawit itu dengan menggunakan galah.

- A menetak B mengait
- C mencantas D mengambil


10. _____kah _____ yang membeli televisyen ini?

- A Apa B Bila
- C Siapa D Mengapa

11. _____kah keistimewaan mesin minuman ini?

- A Siapa B Mana
- C Bagaimana D Apa

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah.



12. Ai Ling dan Amira sedang meneliti maklumat yang ditampal pada _____

- A papan hitam
- B papan kenyataan
- C papan tanda
- D papan kek

13. Rakyat Inderaloka takut akan raja mereka kerana rajanya _____

- A wangi macam kasturi
- B cantik macam bidadari
- C garang macam singa
- D merdu bagai buluh perindu

Pilih jawapan yang sesuai bagi ayat tanya yang diberi.

14. Mengapakah Cikgu Wong berasa terharu?

- A Cikgu Wong berasa sangat terharu kerana mendapat sekeping kad Hari Guru daripada Boon Seng.
- B Boon Seng menghadiahkan kad Hari Guru kepada Cikgu Wong bagi menghargai jasa beliau.
- C Boon Seng menghadiahkan Cikgu Wong sekeping kad Hari Guru.
- D Boon Seng berasa terharu kan sikap Cikgu Wong yang baik hati.

Pilih ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.

15. Omar makan aiskrim itu sehingga habis.
- A Aiskrim itu Omar jual.
 - B Aiskrim itu dimakan oleh Omar sehingga habis.
 - C Omar termakan aiskrim itu.
 - D Omar dimakan aiskrim itu sehingga habis.

Pilih ayat yang betul.

16. A Pasukan bola sepak sedang menjalani latihan pada padang.
- B Jason bertugas menyapu sampah dengan setiap hari Jumaat.
- C Didi gemar minum air sejuk akan cuaca panas.
- D Burung itu singgah di dahan pokok.

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj merupakan Perdana menteri Malaysia yang pertama. Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dikenali sebagai "Bapa Kemerdekaan Tanah Melayu" kerana berjaya mendapatkan kemerdekaan untuk Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Tunku juga dikenali sebagai "Bapa Malaysia" kerana berjaya membentuk Malaysia pada 16 September 1963.

Tunku diputerakan pada 8 Februari 1903 di Alor Setar, Kedah. Ayahanda beliau ialah Sultan Abdul Hamid Halim Syah. Bondanya pula bernama Cik Menyelara. Tunku telah memperjuangkan tuntutan kemerdekaan tanah air dengan dibantu oleh beberapa orang rakannya seperti Tun Abdul Razak serta pemimpin kaum-kaum lain ketika itu.

Hasilnya, satu perjanjian telah ditandatangani pada 8 Februari 1956 oleh semua pihak yang terlibat untuk merangka Perlembagaan Malaya. Hal tersebut membawa kepada kemerdekaan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957. Kepulangan beliau disambut dengan meriah dalam suatu peristiwa bersejarah di Bandar Hilir, Melaka.

Tunku Abdul Rahman memegang jawatan sebagai Perdana Menteri yang pertama pada tahun 1957 sehingga 1970. Beliau meninggal dunia pada 8 Disember 1990.

17. Siapakah tokoh yang dikenali sebagai "Bapa Kemerdekaan Tanah Melayu"?
- A Tun Dr. Mahathir
 - B Tun Abdul Razak
 - C Tun Hussein Onn
 - D Tunku Abdul Rahman
18. Bilakah Tunku Abdul Rahman diputerakan?
- A 8 Februari 1903
 - B 8 Februari 1956
 - C 31 Ogos 1957
 - D 16 September 1963
19. Berapakah umur Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ketika beliau meninggal dunia?
- A 85 tahun
 - B 86 tahun
 - C 87 tahun
 - D 90 tahun
20. Pernyataan berikut benar tentang Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, kecuali
- A Bondanya bernama Cik Menyelara.
 - B Ayahandanya bernama Sultan Abdul Hamid Halim Syah.
 - C Beliau berjuang bersendirian menuntut kemerdekaan.
 - D Beliau memegang jawatan sebagai Perdana Menteri selama 13 tahun.

Bahagian B

Soalan 21

a) Padankan ayat dengan kata seru yang betul.

1. _____, kamu juga memiliki buku tokoh negara ini!

Cis

1. _____, anda telah berjaya mengharumkan nama negara!

Wah

3. _____, berani kamu pukul adik saya!

Eh

4. _____, cantik sungguh pengantin perempuan itu!

Aduh

1. _____, kenapalah sakit sangat kepala saya ini!

Syabas

[2 markah]

b) Tulis ayat tanya yang sesuai bagi jawapan di bawah.


Ayat tanya : _____

Jawapan : Pasukan Polis Marin menjalankan tugas operasi mencegah jenayah di perairan negara.

[2 markah]

BMP/5

c) Tulis respons yang sesuai berdasarkan ayat perintah.



[2 markah]

Saalan 22

a) Tulis simpulan bahasa yang sesuai berdasarkan ayat di bawah.

Langkah seribu	Panjang tangan	Lipas kudung	Bekas tangan	Berat mulut
----------------	----------------	--------------	--------------	-------------

1. Pasu bunga itu telah dibuat oleh Mak Cik Farhana.	
2. Kim Ho berlari dengan pantas kerana dikejar oleh anjing.	
3. Ali membuat kerja dengan pantas apabila disuruh oleh ibunya.	

[3 markah]

b) Tandakan (✓) di dalam petak jawapan yang betul.

Sampai di Stesen Komuter Seremban, bapa Ben Li meletakkan keretanya di kawasan yang disediakan. Terdapat kekosongan

padang bola	petak parkir

yang berhadapan dengan

bilik darjah	pintu masuk

stesen komuter tersebut. Bapa Ben

Li memberitahu bahawa terdapat

papan tanda	papan kekunci

tempat letak kereta orang kurang upaya. Kemudian, mereka pergi

kedai runcit	kaunter tiket

ke untuk membeli tiket. Setelah

itu, mereka menunggu komuter di bangku. Bapa Ben Li menjelaskan

bahawa orang ramai tidak dibenarkan melepasi

garisan kuning	garisan penamat

itu.

[5 markah]

BMP/7

Soalan 23

Baca maklumat di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikut.

Pertandingan Membina Replika 1 Malaysia

Anjuran : Kelab Alam Sekitar
Tarikh : 15 Oktober 2018
Tempat : Dewan Sri Angkasa
Bilangan Peserta : 4 orang bagi setiap kumpulan.
Bahan Projek : Kotak susu, gam, gunting dan bahan terbuang yang sesuai.

Objektif Projek :

1. Memupuk sikap menghargai alam sekitar.
2. Memupuk amalan kitar semula dalam kalangan murid.
3. Membentuk sikap bekerjasama dalam kumpulan.

Hadiah:

- Tempat pertama : Hamper bernilai RM100 serta sijil
Tempat Kedua : Hamper bernilai RM50 serta sijil
Tempat Ketiga : Hamper bernilai RM30 serta sijil

a) Murid-murid boleh menggunakan _____ untuk pertandingan ini.
[1 markah]

b) Nyatakan dua objektif projek ini.

I _____

II _____

[2 markah]

c) Nyatakan kebaikan kitar semula.

I _____

II _____

[2 markah]

Soalan 24

Baca petikan di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikut.

Gong ialah sejenis alat muzik tradisional. Sebenarnya, gong ini berasal dari negara China. Sekarang ini, gong banyak didapati di negara Asia Tenggara, Asia Timur dan India. Jika di Malaysia, alat muzik ini digunakan dalam persembahan tradisional seperti dikir barat dan wayang kulit.

Terdapat gong besar dan gong kecil. Gong besar dinamakan gong jantan manakala gong kecil dinamakan gong betina. Gong besar diperbuat daripada tembaga kuning dan diletakkan di dalam kotak hitam dengan mukanya mengarah ke atas. Pemukul kayu yang dialaskan kepalanya dengan kekabu akan digunakan untuk memukul gong tersebut.

Tujuan mengalas kepala pemukul dengan kekabu adalah untuk memberi keanjalan dan kemampatan kepada pemukul agar tidak pecah apabila dipukul.

a) Dari manakah gong berasal ?

[1 markah]

b) Berikan nama dua jenis gong.

I _____

II _____

[2 markah]

c) Mengapakah kepala pemukul gong dibalut dengan kekabu ?

[2 markah]